

Kulim jual Menara Ansar RM105j

JOHOR BHARU 9 Mac – Kulim (M) Bhd. (Kulim) akan menjual hartanahnya, Menara Ansar yang terletak di Johor Bahru pada harga RM105 juta.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Ahamad Mohamad berkata, penjualan itu sebahagiannya melibatkan bayaran tunai berjumlah RM63 juta manakala bakinya melalui terbitan unit saham baru Amanah Pelaburan Hartanah Al-'Aqar KPJ (REIT) sebanyak 42.9 juta pada harga terbitan RM0.98 sesaham.

“Kami memilih untuk menjual Menara Ansar bagi membolehkan kami merungkai peluang lebih luas dalam aset bukan teras serta memperoleh pulangan dalam pelaburan hartanah.

“Hasil jualan itu akan digunakan sebahagian daripadanya untuk membayar pinjaman yang kini berjumlah RM1.70 bilion, sekali gus menurunkan kadar geraan daripada 0.33 kali kepada 0.32 kali,” tambah beliau.

Ahamad berkata, Al-'Aqar REIT pula merupakan satu pelaburan yang baik kepada kumpulan kerana sejak dua tahun lalu ia memberi pulangan dividen yang stabil dan memuaskan kepada pemegang sahamnya iaitu 8.1 sen pada 2008 dan 7.32 sen pada tahun sebelumnya.

Laporan suku tahunan Al-'Aqar REIT yang belum diaudit pada Disember 31, 2009 turut menunjukkan Al-'Aqar yang memiliki dan melabur dalam hartanah yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan yang berasaskan Syariah dengan saiz dana sebanyak 518.37 juta unit.

Aset semasa pula berjumlah RM49.81 juta dan portfolio harta tanah berjumlah RM961.50 juta.

Kulim telah menerima tawaran untuk menjual Menara Ansar daripada AmanahRaya Trustees Berhad, yang mana AmanahRaya Trustees merupakan pemegang amanah Al-'Aqar REIT.

Urusniaga itu dijangka akan selesai pada suku tahun ketiga 2010.

“Penjualan Menara Ansar merupakan jualan berasaskan persetujuan bersama di antara kedua-dua belah pihak pembeli dan penjual, setelah mengambil kira nilai pasaran hartanah yang dilakukan oleh penilai bebas,” ujarnya.

Menara Ansar terletak di tengah pusat bandar Johor Bahru dan dibina di atas tanah pegangan kekal seluas 9,739 meter persegi.

Ia merupakan bangunan pejabat setinggi 21 tingkat dengan tempat letak kereta tiga tingkat bawah tanah dan kini ia mempunyai kadar penempatan sebanyak 92 peratus.